

Biofuel getah pacu produktiviti, lonjak ekonomi pekebun kecil

SHAH ALAM - Sektor getah negara dijangka mengalami transformasi lebih meluas menerusi projek penting yang bakal dilaksanakan dalam tiga fasa bermula hujung tahun ini.

Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Manndzri Nasib berkata, fasa permulaan akan dilaksanakan bagi menguji keberkesanan teknologi biofuel dan memastikan pematuhan piawaian keselamatan serta teknikal.

Fasa kedua melibatkan pembangunan skala besar dengan kolaborasi universiti tempatan dan pihak industri bagi memperluaskan penyelidikan, pembangunan teknologi serta pasaran.

"Sementara itu, fasa ketiga pula disasarkan mencapai tahap pengkomersialan dengan sokongan pensijilan Environmental, Social and Governance (ESG) serta jaringan strategik industri," katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Projek Biofuel Getah di Ibu Pejabat RISDA, Kuala Lumpur pada Selasa.



MANNDZRI

Mesyuarat yang turut disertai jawatankuasa daripada pakar-pakar industri, universiti dan kerajaan itu merupakan langkah penting ke arah memperkukuh daya saing industri getah negara yang terdiri daripada

Antara yang terlibat ialah Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan Universiti Teknologi Petronas melalui penubuhan Technical Working Group (TWG).

Pasukan itu akan merangka dasar, melaksanakan penyelidikan dan memastikan pelaksanaan projek berjalan secara teratur serta mapan.

Dalam pada itu, Manndzri berkata, projek biofuel getah dijangka memberi kelebihan besar kepada pekebun kecil apabila wujudnya permintaan baharu terhadap getah sekerap, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada harga pasaran getah asli semasa yang mencabar.

Katanya, langkah itu membuktikan bahawa Malaysia berada di landasan tepat untuk menjadi peneraju projek biofuel berasaskan getah di rantau ini.

Tambahnya lagi, projek tersebut bukan sahaja berupaya menjanjikan pendapatan



Manndzri (duduk, empat dari kiri) bersama jawatankuasa sempena Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Projek Biofuel Getah di Ibu Pejabat RISDA pada Selasa.

tambahan kepada pekebun kecil, malah akan melonjakkan kedudukan Malaysia dalam industri tenaga hijau global.

Selain itu, ia juga membuka ruang dan peluang baharu kepada lebih 500,000 pekebun kecil di seluruh negara untuk menikmati sumber pendapatan yang lebih stabil serta mampan.

Manndzri berkata, projek biofuel getah itu bukan hanya menyokong agenda tenaga boleh diperbaharui negara, malah berpotensi besar untuk menjadikan getah

sebagai bahan bakar alternatif bernilai tinggi yang mampu merancakkan ekonomi desa.

"Biofuel berasaskan getah akan menjadi pemacu produktiviti sektor komoditi, memanfaatkan kelebihan Malaysia sebagai pengeluar getah utama dunia. Pada masa sama, ia menyokong kepada gagasan Malaysia Madani dan aspirasi Desa Madani dalam agenda kelestarian serta kemakmuran komuniti desa," katanya.